

ISLAM MENYATUKAN UMMAH



6 - 7 NOVEMBER 2021

KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

اوچقن داسر

UCAPAN DASAR PRESIDEN PAS

YB DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



MUKTAMAR TAHUNAN
PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)
1443H / 2021M

ISI KANDUNGAN

A. MUQADDIMAH	2
B. TEMA MUKTAMAR: “ISLAM MENYATUKAN UMMAH”	4
C. PRINSIP PENYATUAN UMMAH	9
Pertama - Adil kepada Semua	9
Kedua - Satu Keluarga	10
Ketiga - Islam Memimpin	12
Peranan PAS sebagai Pendamai	15
D. HALA TUJU MUAFAKAT POLITIK PRU-15	16
E. TAWARAN PAS – MEMBINA INTEGRITI NEGARA DAN RAKYAT	19
F. TAWARAN PAS – NEGARA BERKEBAJIKAN MEMBAWA BERKAT	22
G. PENDIDIKAN POLITIK KEPADA ANAK MUDA (UNDI18)	27
H. PENYATUAN UMMAH DI PERINGKAT ANTARABANGSA	29
I. ARAHAN KEPADA JENTERA PAS	31
1. Bertaqwa kepada Allah	32
2. Setia dan Taat kepada Parti dan Kepimpinan	32
3. Pengukuhan Parti	33
4. Pemantapan Tarbiah	34
5. Pemantapan Organisasi	34
6. Aktifkan Jentera Pilihan Raya Akar Umbi	35
7. Persiapan Calon Berwibawa	35
J. PENUTUP	36

MUKTAMAR TAHUNAN PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS) 1443H / 2021M

“ISLAM MENYATUKAN UMMAH”

الحمد لله الذي أكرمنا بنعمة الإسلام وفضلنا على كثير من الأمم. أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله البدر الدجى والسراج المنير. والصلاة والسلام على رسول الله، وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره ووالاه.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Tetap;

Yang Dihormati Sohibil Fadhilah Dato' Mursyidul 'Am, Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan Timbalan Mursyidul 'Am, dan Ahli-Ahli Majlis Syura Ulama';

Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Setiausaha Agung, serta Ketua-Ketua Dewan Ulamak, Pemuda, Muslimat, dan DHPP;

Yang Dikasihi Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Pesuruhjaya PAS Negeri dan Pengerusi Al-Sabiqun;

Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri;

Yang Diraikan Para Tetamu, Dif Kehormat, serta Rakan Media;

Yang Berusaha Panitia Muktamar dan Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu sebagai Tuan Rumah; seterusnya,

Yang Dikasihi Para Perwakilan dan Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

A. MUQADDIMAH

Dengan penuh rasa ukhuwah saya ucapkan **“Ahlan Wa Sahlan Wa Marhaban Bikum,”** Selamat Datang dan Selamat Bermuktamar kepada semua perwakilan, pemerhati dan tetamu yang hadir bagi menjayakan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-67 bagi tahun 1443 Hijrah bersamaan 2021 Masihi.

Marilah kita menyatakan Alhamdulillah, kesyukuran kepada Allah SWT kerana parti kita terus beristiqamah atas prinsip Islam, dan berjaya melakukan Islah dan Tajdid mengikut situasi dan realiti yang sangat mencabar pada hari ini. SeHINGGAKAN, kita berjaya menjadi 'kingmaker' bersama dengan rakan-rakan dalam Muafakat Nasional (MN) dan Perikatan Nasional (PN) dengan memimpin Kerajaan Persekutuan.

Kita telah menempa sejarah dengan mengambil alih Kerajaan Persekutuan secara aman dan demokratik daripada kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang memenangi PRU-14 dengan penuh pembohongan kepada rakyat.

Pasca-PRU-14, kita berjaya mengubah landskap politik daripada kerajaan dominasi bukan Islam yang mengheret ke arah liberal sehingga berani merungkaikan asas-asas yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kita mengembalikan kepimpinan kerajaan kepada kepimpinan Islam yang selaras dengan konteks masyarakat majmuk di negara ini. Perubahan dilakukan melalui pendekatan menyatukan parti-parti dan kelompok umat Islam yang sedar serta insaf. Pada masa yang sama, disertai kalangan bukan Islam yang tidak ekstrem dan memahami realiti demografi penduduk di Malaysia.

Maka, Muktamar PAS yang diadakan pada hari ini ialah muktamar terpenting dan mungkin yang terakhir sebelum menghadapi PRU-15, insya-Allah. Muktamar bagi menegaskan hala tuju PAS menuju PRU-15 untuk Islam terus memimpin dengan mengekalkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dimenangi oleh PAS serta menambah bilangan kerusi dan pengaruh PAS di negeri-negeri lain.

B. TEMA MUKTAMAR: “ISLAM MENYATUKAN UMMAH”

Muslimin dan muslimat sekalian,

Kita berkewajipan untuk **menyatupadukan umat Islam bermasyarakat majmuk** yang terdiri daripada pelbagai agama dan kaum.

Allah SWT menegaskan konsep perpaduan dengan mendahulukan dalam kalangan umat Islam terlebih dahulu, sebagaimana yang disimpulkan oleh firman-Nya:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ



“Sesungguhnya, orang-orang beriman itu bersaudara. Maka, damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua-dua saudara kalian itu dan bertaqwalah kepada Allah, supaya kalian mendapat rahmat.”

Surah al-Hujurat: 10

Iman menjadi prasyarat pertama bagi menyatukan umat sebelum aspek ilmu dan akhlak yang membentuk syakhshiah diri. Tanpa keimanan, integriti seseorang itu hanyalah suatu pembohongan dan penipuan. Syarat beriman menjadi rukun terpenting dalam konsep persaudaraan Islam.

Kemudian, Allah menegaskan bahawa hubungan seluruh manusia dalam masyarakat majmuk merupakan ciri kemanusiaan secara fitrah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
 إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

“Wahai manusia! Sesungguhnya, Kami telah menciptakan kalian daripada kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kalian dalam pelbagai bangsa dan bersuku-suku, supaya kalian berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya, semulia-mulia manusia dalam kalangan kalian di sisi Allah ialah orang yang lebih bertaqwa antara kalian. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kalian).”

Surah al-Hujurat: 13

Agenda perpaduan umat ialah risalah Islam yang dibawa oleh junjungan Nabi Muhammad SAW dengan mengikuti perintah Allah SWT:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ
 مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ
 وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ
 لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya, aku ialah pesuruh Allah kepada kalian semua, (diutuskan oleh Allah) yang

menguasai kerajaan langit dan bumi; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Tuhan yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kalian kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kalian beroleh petunjuk.”

Surah al-A'raf: 158

Kerasulan Nabi Muhammad SAW untuk seluruh manusia, berbeza dengan para Rasul sebelumnya yang dikhususkan kepada kaum dan bangsanya sahaja serta khusus pada tempat dan masanya sahaja. Jelaslah bahawa seluruh manusia ialah umat Nabi kita Muhammad SAW.

Para ulama' membahagikan konsep Umat kepada dua jenis iaitu;

- i) Umat Ijabah bagi mereka yang menganut Islam dan;
- ii) Umat Dakwah bagi seluruh manusia yang diajak tanpa paksaan menganut Islam ataupun menerima pemerintahan Islam. Mereka berada dalam sistem kehidupan dunia yang membawa rahmat kepada seluruh alam.

Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

“Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

Surah al-Anbiya': 107

Antara rahmat Allah ialah adil kepada semua manusia dalam satu keluarga besar yang dipimpin oleh Islam yang berkuasa dalam sesebuah negara yang berdaulat.

Allah SWT menegaskan mesej penting kepada umat Islam supaya menghadapi masyarakat majmuk berdasarkan firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ يُدْفِعُ عَنِ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ ﴿٣٨﴾
 أَذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ
 ﴿٣٩﴾ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ
 وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ هَلْ دَمَّتْ صَوَامِعُ وَيَعُوصَلَاتُ
 وَمَسْجِدُ يُذَكَّرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَكَ اللَّهُ مَنْ
 يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُم فِي الْأَرْضِ
 أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ
 الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

“Sesungguhnya, Allah membela orang-orang yang beriman; sesungguhnya Allah tidak menyukai tiap-tiap orang yang berlaku khianat, lagi mengingkari ni‘mat-Nya. (38); Telah diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai; dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa untuk menolong mereka itu (mencapai kemenangan). (39); (laitu) mereka yang diusir dari kampung halamannya tanpa sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: ‘Tuhan kami ialah Allah.’ Dan sekiranya

Allah tidak mendorong sesetengah manusia menentang pencerobohan sesetengah yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebutkan nama Allah sebanyak-banyaknya. Dan sesungguhnya, Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa. (40); (laitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kekuasaan mereka dengan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang serta menunaikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat perkara yang ma'ruf serta melarang daripada melakukan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan bagi segala urusan. (41)."

Surah al-Hajj: 38-41

Pendekatan yang dibawa oleh Islam dianggap mencabar penguasa yang zalim yang menguasai dunia ketika awal kedatangannya, menyebabkan berlakunya gerakan yang menyeluruh untuk menentang Islam sejak zaman-berzaman.

Namun, **pendekatan secara damai diutamakan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW** melalui perutusan yang dihantar kepada raja-raja dan para pemimpin, dengan menyeru ke arah mentauhidkan Allah SWT, serta menyampaikan mesej:

أَسْلِمَ تَسْلَمَ.

"Terimalah Islam, nescaya kamu akan selamat (di dunia dan di akhirat)."

Riwayat al-Bukhari 2941

C. PRINSIP PENYATUAN UMMAH

Muslimin dan Muslimat sekalian,

Penyatuan ummah mestilah berasaskan tiga (3) prinsip utama supaya diwujudkan sebuah pemerintahan yang aman dan sejahtera;

Pertama - Adil kepada Semua

Konsep adil kepada semua ialah berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

“Sesungguhnya, Allah menyuruh kalian supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kalian menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kalian menghukum secara adil. Sesungguhnya, Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kalian. Sesungguhnya, Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

Surah al-Nisa': 58

Ayat ini memerintahkan orang Mukmin supaya berlaku adil kepada seluruh manusia, termasuklah adil terhadap musuh. Allah SWT memerintahkan kepada umat Islam:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ إِنَّ اللّٰهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kalian semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kalian terhadap sesuatu kaum itu mendorong kalian berlaku tidak adil. Hendaklah kalian berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam apa yang kalian lakukan.”

Surah al-Ma'idah: 8

Kedua - Satu Keluarga

Al-Quran menegaskan bahawa perpaduan umat manusia merupakan satu keluarga besar walaupun terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا
وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ ۖ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ
اللّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kalian yang telah menciptakan kalian daripada diri yang satu (Adam AS), dan daripada (Adam) itu Allah menciptakan pasangannya (isterinya iaitu Hawwa’), dan juga yang mengembangbiakkan daripada keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kalian selalu meminta-minta dengan menyebut-nyebutkan nama-Nya, serta (peliharalah) hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kalian.”

Surah al-Nisa’: 1

Wujudnya kepelbagaian manusia dalam satu keluarga besar menjadi dalil kekuasaan Allah SWT. Firman Allah:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْلَافُ السِّنِّكُمْ
وَالْوَلَدُكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

“Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa dan warna kulit kalian. Sesungguhnya, yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”

Surah al-Rum: 22

Namun, seluruh manusia wajib hidup bermasyarakat yang saling memerlukan antara sesama mereka. Perkara ini berpandukan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
 إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya, Kami telah menciptakan kalian daripada kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kalian berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kalian berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya, semulia-mulia kalian di sisi Allah ialah orang yang lebih bertaqwa antara kalian, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kalian).”

Surah al-Hujurat: 13

Ketiga - Islam Memimpin

Semua perintah Allah SWT hendaklah dilaksanakan dengan sempurna. Wajib menunaikan kewajipan dakwah kepada seluruh manusia yang tidak berpisah dengan politik pemerintahan negara yang bermasyarakat majmuk dipimpin oleh penganut Islam yang beriman, beramal soleh dan berakhlak.

Allah menjanjikan dalam firman-Nya:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي
الْأَرْضِ كَمَا أَستَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ
الَّذِي ءَرَضُوا لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا
يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ



*“Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh dalam kalangan kalian (wahai umat Muhammad) bahawa **Dia akan menjadikan mereka berkuasa di muka bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka yang berkuasa**; dan sesungguhnya Dia akan meneguhkan bagi mereka agama Islam yang telah diredhai-Nya untuk mereka; dan Dia juga akan mengubah keadaan mereka dalam ketakutan (dengan ancaman musuh) kepada keamanan. Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur (tidak bersyukur) ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq (derhaka).”*

Surah al-Nur: 55

Rasulullah SAW melaksanakan konsep Islam memimpin walaupun terpaksa berhijrah, kerana ingin menunaikan kewajipan berpolitik bagi menegakkan negara bermasyarakat majmuk bermula di Madinah.

Sehingga Baginda SAW menghadapi kepungan yang datang dari segenap penjuru dalam bangsa Arab dan pemimpin pelbagai agama, termasuklah kuasa besar pada zamannya yang tercabar dengan perubahan Islah yang dibawa oleh Islam.

Raja-raja, para pemimpin dan ilmuwan yang menerima Islam dikekalkan berada di atas takhtanya dan terus menjadi pemimpin bagi rakyatnya. Mereka diberikan peranan berkonsepkan sabda Rasulullah SAW:

خَيَارُهُمْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ خَيَارُهُمْ فِي الْإِسْلَامِ إِذَا فَتَّهُوا.

“Mereka yang terpilih pada masa jahilia (sebelum Islam) menjadi terpilih juga pada masa bersama Islam sekiranya mereka memahami Islam.”

Riwayat al-Bukhari 3383 dan Muslim 2378

Kejayaan Islam menyatukan umat manusia dalam wilayah yang paling besar hingga mencecah tiga benua besar (Asia, Afrika dan Eropah) dan ramai jumlah penduduknya yang bermasyarakat majmuk, telah melahirkan *al-Hadarah al-Islamiyyah* (tamadun yang berteraskan hidayah Islamiyah). Seterusnya, telah mencipta kemajuan ilmu agama yang menjadi petunjuk sepanjang zaman dan ilmu keperluan dunia yang bermanfaat dalam semua lapangan hidup manusia.

Walaupun kini Islam tidak lagi berkuasa dalam negara yang berdaulat kerana kelemahan pegangan umatnya kepada Islam, ajarannya tetap dipelihara oleh Allah SWT. Kini, penjajah asing telah berjaya dikeluarkan dari tanah air Islam. Sepatutnya, umat Islam hari ini kembali semula kepada petunjuknya yang paling berjasa dalam sejarah manusia.

Peranan PAS sebagai Pendamai

Firman Allah SWT:

وَلِإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلَحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ
إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَىٰ فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ
فَأَصْلَحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾

“Dan jika dua puak daripada orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah antara keduanya-duanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh, maka damaikanlah antara keduanya-duanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kalian (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil(9)”

Surah al-Hujurat: 9

Dalam usaha kita menyatukan umat Islam untuk berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar, pastinya kita akan berdepan dengan suatu kelompok umat Islam yang melampaui batas dan suka bertelagah.

Surah al-Hujurat telah memberikan petunjuk supaya kita berusaha memperbaiki hubungan antara umat Islam yang bertelagah, namun jika masih ada suatu pihak yang melampau, maka dibolehkan kita bertindak sekadar yang diperlukan supaya dapat diajak kembali kepada ajaran Islam dan memperkukuh persaudaraan Islam yang telah terbina.

Justeru, PAS mesti mempelajari pengalamannya yang lalu bagi menyatukan parti-parti Melayu Islam sebagai teras politik negara, termasuklah menyelamatkan UMNO yang cedera parah dalam PRU-14 dan BERSATU yang baharu ditubuhkan oleh asal usul UMNO yang berpecah. Kedua-dua buah parti ini telah berjaya ditemukan semula oleh PAS melalui wadah penyatuan MN dan PN, dengan peranan PAS sebagai pendamai.

Ternyata, usaha penyatuan ummah tidaklah mudah kerana memerlukan kesungguhan dan jiwa besar, saling bertoleransi dan bersabar demi mencapai kejayaan yang didambakan. Namun, kita wajib menghadapi PRU-15 dengan usaha perpaduan yang sedang dibina hari ini. Jangan wujud sebarang perpecahan kerana sikap tamak, mementingkan diri atau dendam kesumat sehingga keputusan PRU-14 berulang lagi.

D. HALA TUJU MUAFAKAT POLITIK PRU-15

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ
وَيُحِبُّونَهُ أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ
عَلِيمٌ

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa antara kalian yang berpaling tadah daripada agamanya (menjadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka juga mencintai-Nya; mereka pula bersifat lemah lembut terhadap orang-orang yang beriman dan

berlaku tegas terhadap orang-orang kafir, mereka berjihad di jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Demikian itu ialah limpah kurnia daripada Allah yang diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki oleh-Nya; kerana Allah Maha Luas (kurniaan-Nya), lagi Maha Mengetahui.”

Surah al-Ma'idah: 54

Kita menerima realiti masyarakat majmuk di Malaysia yang mewajibkan mesej Islam dibuktikan semula kejayaannya.

Oleh itu, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang ditubuhkan oleh para pemimpin terdahulu bertujuan bagi menyambung perjuangan tersebut. Terbaharu, PAS sudah memperkenalkan semula agenda perpaduan umat berpandukan petunjuk al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Kemunculan **Muafakat Nasional (MN)** pada mulanya hanya dianggotai oleh PAS dan UMNO sahaja. Kemudian, kedua-dua buah parti tersebut bersetuju untuk menjemput BERSATU, sekali gus menjadi asas permulaan kepada konsep **Islam Memimpin** dan **Perpaduan Ummah** yang lebih kukuh.

Seterusnya, ia dilangsungkan kepada pembentukan gabungan yang lebih majmuk iaitu **Perikatan Nasional (PN)** bersama parti-parti yang mewakili pelbagai agama dan kaum yang berjaya mengambil alih kerajaan. Gabungan ini menerima asas Perlembagaan Persekutuan dan terbuka penyertaannya kepada semua parti yang tidak menyeleweng daripada Perlembagaan. Inilah acuan perpaduan nasional yang kita ingin perkenalkan kepada semua.

Oleh itu, kita menolak sebarang usaha untuk membentuk penjarangan baharu dengan pelbagai jenama atau perubahan yang dicadangkan. Secara tegas, dinyatakan bahawa kita baru sahaja menubuhkan MN mengikut acuan asal yang lengkap sebagai pendahuluan mengikut Piagam yang terbuka bukan tertutup.

Dalam pada itu, kita berjaya menubuhkan PN yang lebih terbuka dan kuat, sehingga berjaya mengambil alih Kerajaan Persekutuan, laksana menanam benih yang baru tumbuh dengan subur. Maka, sebarang cadangan lain laksana tumbuhan liar yang mesti dihapuskan atau makhluk perosak yang wajib dimusnahkan.

PAS jangan dikurung dalam sebarang permuafakatan yang tertutup dalam lingkungan sekadar menjadi penumpang dalam perjalanan politik tanah air. Sebaliknya, menjadi pemimpin bersama rakan-rakan sehingga berjaya menarik sokongan rakyat bagi menyelamatkan negara bersama Islam yang telah diperkenalkan oleh PAS.

Untuk mendapat jaminan paling kuat bagi menegakkan konsep kepimpinan Islam yang berprinsip, maka PAS wajib berusaha sekurang-kurangnya menjadi penentu dalam keputusan PRU-15 berasaskan jumlah kerusi yang menang, bukannya banyak jumlah kerusi yang bertanding tanpa kerusi yang dimenangi.

Mandatnya diserahkan kepada Majlis Syura Ulama' dan PAS Pusat untuk membuat penelitian dan keputusan dalam urusan berkaitan hukum, dasar dan strategi bagi menghadapi pilihan raya dan segala kemungkinan selepas pilihan raya, demi memastikan Islam terus memimpin.

E. TAWARAN PAS – MEMBINA INTEGRITI NEGARA DAN RAKYAT

Sidang Muktamar sekaliian,

Integriti ialah suatu amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat. Integriti bukanlah cakap-cakap kosong yang sekadar menjadi slogan. Konsep ini berlaku melalui tarbiah jasad, akal dan roh. Konsep ini juga tidak wujud dalam prinsip sekularisme yang memisahkan aspek politik daripada agama.

Maka, objektif berintegriti bukan sahaja dicapai melalui pemimpin yang berilmu dan berakhlak, bahkan juga hendaklah mendirikan solat dan sentiasa mempunyai hubungan dengan Allah SWT. Sehingga ketika memimpin dan mengurus negara, para pemimpin sentiasa tetap berhubung dengan Allah SWT.

Setelah berjaya memenangi pilihan raya dan memerintah, PAS telah membuktikan melalui tarbiah dalam parti dengan membuka pintu 24 jam kepada SPRM untuk menjalankan tugas mereka secara langsung. Mereka dibenarkan bertindak tanpa sebarang halangan terhadap semua Menteri Besar, Exco Kerajaan Negeri dan anggota kerajaan.

Kita mengambil contoh daripada pemimpin PAS yang sudah meninggal dunia kerana orang yang masih hidup tetap masih berada dalam ujian. Termasuklah sehingga hari ini, pemimpin PAS yang masih hidup dapat membuktikan pentadbiran kerajaan yang bersih daripada rasuah dan salah laku. Begitu juga ketika PAS berada dalam Kerajaan Pusat dari tahun 1973 sehingga tahun 1978, dan kini diuji bersama Kerajaan PN.

PAS juga mewajibkan calon wakil rakyat yang bertanding untuk berbaiah dengan sumpah setia demi Allah SWT. Pada masa yang sama, tidak mengkhianati dasar dan konsep perjuangan, dengan keimanan kepada hukum baiah sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ
فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَى بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا
عَظِيمًا

“Bahawasanya orang-orang yang berbaiah (berjanji setia) kepada kalian, sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah. Tangan Allah di atas tangan mereka, maka sesiapa yang melanggar janjinya, nescaya akibat ia melanggar janji itu akan menimpa ke atas dirinya sendiri dan sesiapa menepati janjinya kepada Allah, maka Allah akan memberikan kepadanya pahala yang besar.”

Surah al-Fath: 10

Selain itu, rakyat yang mengundi dan memilih pemimpin juga mestilah berintegriti, bukan semata-mata berdasarkan faktor umur, malah juga berasaskan kematangan akal dan ilmunya. **Justeru, PAS perlu konsisten dengan menampilkan pendekatan politik yang jujur dan bersih untuk memulihkan negara.**

Kukuhnya integriti itu laksana teras yang tidak akan musnah dan cahaya yang tidak akan padam, sekalipun dilanda dengan segala ribut taufan dan gelombang lautan yang besar, hatta gempa bumi yang paling kuat. Mereka yang gagal dalam integriti, akan tenggelam dalam cabaran yang mengepung kehidupannya dan dalam partinya sendiri serta berlaku krisis nilai diri.

Apakah faedahnya jika sekadar mendapat jumlah sokongan majoriti yang besar tetapi tidak berintegriti, sekiranya pada awal lagi sudah mula berbohong kepada rakyat untuk mendapatkan sokongan majoriti.

Berbohong itu sahaja sudah cukup untuk menjadi tanda hilangnya integriti, yang pasti mengundang semua perangai buruk yang lain, termasuk menjadi kleptokrat. Kehilangan integriti pemimpin diikuti dengan kelemahan kerajaan dan penamatnya dengan kemusnahan negara.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ﴿١١﴾

“...Sesungguhnya, Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri...”

Surah al-Ra'd: 11

Perubahan tersebut bukanlah dengan mendapat kuasa yang kuat di bumi yang kaya-raya dengan apa sahaja, tetapi perubahan peribadi para pemimpin yang dihormati oleh rakyat kerana mempunyai sifat integriti, adil dan bijaksana. Bukan melalui cara rakyatnya dibuli dengan kezaliman, dibeli dengan politik wang, diberikan rasuah dan ditipu dengan pelbagai pembohongan, sehingga integriti tidak lagi menjadi keutamaan.

F. TAWARAN PAS – NEGARA BERKEBAJIKAN MEMBAWA BERKAT

Para perwakilan dan pemerhati,

Kewujudan negara adalah sebahagian daripada ketetapan Allah SWT kepada makhluk manusia, supaya memakmurkan bumi dengan sifat kemampuannya dalam mengurus dan mentadbir makhluk lain, termasuklah segala sumber yang diciptakan di dalamnya. Inilah perkara yang telah diisytiharkan oleh Allah SWT sejak diciptakan Nabi Adam AS. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةًۭ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِیْهَا مَنْ یُّفْسِدُ فِیْهَا وَیَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۖ قَالَ اِنِّىْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٣٠﴾

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: ‘Sesungguhnya, Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.’ Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): ‘Adakah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan menyucikan-Mu?’ Tuhan berfirman: ‘Sesungguhnya, Aku mengetahui akan apa yang kalian tidak ketahui.’”

Surah al-Baqarah: 30

Adapun makna berkebajikan dijelaskan oleh firman Allah SWT:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى
حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ
وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ
إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ
صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya dengan kalian menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan Hari Akhirat, dan seluruh para malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan memberikan seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan musafir (yang memerlukan pertolongan), dan kepada orang-orang yang meminta-minta, dan (untuk memerdekakan) hamba-hamba abdi; dan mendirikan sembahyang serta menunaikan zakat; dan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar ketika kesempitan, penderitaan, dan juga dalam dalam perjuangan. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.”

Inilah makna kebajikan mengikut petunjuk al-Quran yang berdasarkan iman, iaitu beriman kepada Allah SWT, kitab-Nya yang menjadi petunjuk, percaya kepada para rasul yang menerima kitab Allah secara wahyu dan menjadi pemimpin teladan, serta percaya kepada alam ghaib seperti para malaikat yang mulia. Begitu juga percaya kepada pembalasan pada Hari Akhirat yang dijanjikan kepada mereka yang berkebajikan di alam dunia dengan mengikuti petunjuk Allah SWT sahaja.

Negara berkebajikan yang ditawarkan kepada rakyat berbeza dengan teori *welfare state* daripada Barat yang sempit dan hanya sekadar menjaga kebajikan masyarakat sahaja.

Kemudian, ditafsirkan pula objektif pembentukan negara dalam Islam oleh firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ
وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami beri mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang serta menunaikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat perkara yang ma’ruf serta melarang daripada melakukan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Surah al-Hajj: 41

Ayat ini menegaskan konsep negara yang bercirikan seperti berikut:

- i. **Solat (ibadat diri)** - Mereka yang mendirikan solat sentiasa berhubung dengan Allah SWT pada setiap waktu yang diwajibkan, bukan sekadar berpura-pura mendirikan masjid. Tidak cukup hanya mempunyai ilmu sahaja, tanpa mempunyai peribadi yang bertaqwa. Hal ini sangat penting supaya integriti seseorang itu ikhlas, bukannya berpura-pura.
- ii. **Zakat (ibadat harta)** - Pelaksanaan konsep ekonomi yang adil dengan mengambil sebahagian harta orang yang kaya (mencukupi nisab) berkonsepkan ibadat harta kepada penganut Islam. Manakala kalangan bukan Islam diwajibkan membayar cukai (bukan zakat yang bersifat ibadat). Bagi mereka yang tidak berkemampuan dalam kalangan orang Islam tidak diwajibkan mengeluarkan zakat.
- iii. **Amar Ma'ruf (ibadat bermasyarakat)** - Amar ma'ruf merupakan pelaksanaan kebaikan yang luas maksudnya mengikut hukum agama dan akal yang sihat. Contohnya, memberikan pertolongan harta dan moral, memberikan khidmat yang baik, termasuk khidmat nasihat dan saling menjaga hubungan dengan baik. Selain itu, menyumbang harta berdasarkan konsep infaq dengan membelanjakan kepada asnaf (yang berhak menerima), pengurusan, pembangunan, perkhidmatan dan lain-lain.
- iv. **Nahi Munkar** - Kehebatan undang-undang dan tindakan pencegahan sebelum berlakunya kejahatan. Pada masa yang sama, bertindak adil terhadap pelakunya dan mendidik masyarakat bukan sekadar menghukum dan menyeksa atau mendera dengan melampau.

v. Wawasan Akhirat - Beriman dengan adanya hisab dan balasan di Hari Akhirat, sama ada baik atau jahat, adil atau zalim. Bukan sekadar ganjaran dan hukuman di alam dunia ini sahaja. Sekali gus menjadikan seseorang itu berwaspada dalam melaksanakan urusan dunia. Walaupun kesalahannya terlepas daripada hukuman undang-undang di dunia dan penguatkuasaannya, namun sekali-kali tidak akan terlepas daripada hukuman selepas meninggal dunia kelak.

Allah SWT menjanjikan kepada negara yang bercirikan kebajikan dan memenuhi sifat taqwa dengan kelayakan untuk mendapat keberkatan yang melimpah ruah. Keberkatan itu ialah membawa kebaikan di dunia dan akhirat.

Negara Berkebajikan berpandukan hidayah (petunjuk Allah SWT), dengan penuh keyakinan kepada kejayaannya yang dijanjikan oleh Allah dalam aspek politik, ekonomi dan keamanan masyarakat.

Keberkatan ialah janji Allah SWT kepada hamba-Nya secara individu dan negara, apabila wujudnya kebajikan berdasarkan iman, beramal soleh dan berakhlak mulia yang melahirkan sifat taqwa. Seheinggakan, keperibadian para pemimpin mencapai tahap integriti yang paling tinggi.

Mereka yang memperoleh keberkatan itu pasti akan mendapat kebaikan di dunia dan akhirat, walaupun sedikit pendapatannya. Mereka bijak menguruskannya sehingga mencukupi dan berpuas hati bagi menampung keperluan hidup dengan penuh kesabaran dan sentiasa berusaha.

Perubahan kerajaan daripada Barisan Nasional (BN) dahulu dengan kelemahan pemerintahannya tidak mampu diubah oleh Pakatan Harapan (PH) seperti yang dijanjikan, hanya indah khabar dari rupa dengan manifesto yang tidak mampu dikotakan.

Kali ini, kami mengajak supaya peluang diberikan kepada PAS bersama gabungan politik Perikatan Nasional (PN) yang menjanjikan sebuah Negara Berkeadilan dengan agenda Wawasan Induk Negara Sejahtera (WINS).

Ini termasuklah penyediaan manifesto bagi menyokong langkah-langkah pemulihan ekonomi negara dan rakyat pascapandemik COVID-19. Terpenting ialah pembinaan sumber manusia melalui sistem pendidikan yang merangkumi unsur jasadi, rohani dan aqli, kemakmuran ekonomi yang menghasilkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan yang mencukupi, memperkasakan kehebatan undang-undang, memanfaatkan kemajuan teknologi terkini, penjagaan alam dan kelestarian sumbernya, di samping komitmen untuk meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan kerajaan demi kebajikan rakyat dan iklim pelaburan yang lebih baik.

G. PENDIDIKAN POLITIK KEPADA ANAK MUDA (UNDI18)

Sidang Muktamar sekalian,

Dalam PRU-15, PAS perlu melihat dengan serius perkembangan anak muda hari ini yang akan diberikan tanggungjawab untuk memilih pemimpin negara. Berdasarkan keputusan PRU-14 yang lalu, kita melihat anak muda mudah terpengaruh dengan janji palsu dan fitnah yang tersebar dalam media sosial tanpa membuat pertimbangan yang adil dan matang terlebih dahulu.

Segala bahan fitnah dan janji palsu yang dikongsikan mempengaruhi pemikiran anak muda sehingga mengakibatkan keputusan PRU-14 mengancam kedaulatan Islam dan menggugat keharmonian kaum di Malaysia. Maka, PAS perlu menangani golongan anak muda yang fobia dengan politik, atau memisahkan politik daripada agama, sehingga mengambil sikap tidak peduli terhadap apa yang berlaku kepada negara, dan lebih malang boleh mengundang anasir luar menyusup masuk dalam pemikiran generasi muda.

Pendekatan politik PAS ialah bertunjangkan politik Islam, termasuklah penerapan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS). Politik Islam berasaskan keimanan kepada Allah dan Hari Akhirat sehingga menjadikan orang beriman yang berpolitik ada perhitungan dosa dan pahala, di samping berusaha untuk menimbulkan **kesedaran dan partisipasi politik** dalam kalangan rakyat ke arah perubahan negara yang lebih baik.

Maka, saya mengarahkan Dewan Pemuda, Dewan Muslimat, Dewan Ulamak, Jabatan Penerangan dan Jabatan Pilihan Raya untuk memikul tanggungjawab penting ini bagi menggerakkan pendidikan politik kepada pengundi muda supaya mereka diberikan maklumat yang betul dan kesedaran dalam membuat pertimbangan yang bijaksana, berpandukan penghayatan kepada BPMS.

Mendepani cabaran ini, setiap pimpinan dan ahli perlu berperanan sebagai ‘Ejen Penerangan Parti’ secara tersusun supaya mesej yang dibawa oleh PAS berjaya menembusi kelompok sasaran, dengan memanfaatkan media sosial dan teknologi maklumat yang semakin canggih melalui pendekatan kreatif, berhikmah, dan boleh diterima segenap lapisan masyarakat.

H. PENYATUAN UMMAH DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Muslimin dan muslimat sekalian,

PAS juga perlu melihat secara dekat perkembangan semasa politik dunia yang berlaku, khususnya di rantau Nusantara dan Asia Barat kerana Malaysia tidak terlepas daripada terkesan dengan apa yang berlaku.

Situasi semasa yang sedang berlaku di Palestin kini ialah suatu kewajipan bagi seluruh umat Islam. Allah SWT mewajibkan umat Islam agar turut serta berjihad mengikut kemampuan masing-masing. Terdapat negara yang boleh menghantar bekalan senjata dan pasukan pakarnya, pada masa yang sama terdapat juga mereka yang menyumbang dari sudut kewangan dan tenaga pasukan perubatan serta kebajikan.

Namun, pada saat negara haram Israel terus menggila dan mengganas, berlaku Perjanjian Abraham pada tahun 2020 yang disertai kumpulan Zionis dan para pendukungnya di seluruh pelosok dunia dari Eropah, Amerika dan Asia. Jumlah dalam kalangan mereka yang mahu mengecewakan Palestin dan melupakan Baitul Maqdis juga bertambah setelah dilaksanakan program normalisasi yang ternyata salah, sesat dan pasti akan menemui kegagalan.

Ingin saya tegaskan, keakraban Malaysia dan bumi Palestin tidak sesekali akan dapat dipisahkan. Malah, kejayaan inisiatif yang digerakkan oleh Lajnah Antarabangsa dan PAS Relief, terbaharu Kempen Aid4Palestine, menjadi bukti komitmen PAS dan sokongan rakyat Malaysia yang berterusan terhadap usaha pembebasan Palestin dan kebajikan saudara-saudara kita di bumi Palestin yang penuh barakah.

Tahun ini juga menyaksikan peristiwa penting di pentas geopolitik antarabangsa apabila kumpulan Taliban berjaya mengalahkan tentera Amerika Syarikat yang akhirnya terpaksa berundur. Setelah berjaya, mereka membuat suatu perubahan dalam pendekatan mereka, antaranya ialah mengisytiharkan pengampunan secara beramai-ramai terhadap kakitangan kerajaan yang sebelum ini berada di bawah pengaruh Amerika Syarikat.

Mereka juga mengambil pendekatan meraikan kepelbagaian masyarakat di Afghanistan yang terdiri daripada masyarakat majmuk pelbagai kabilah, suku kaum, mazhab Sunni dan Syiah, sekalipun mereka mempunyai majoriti kaum Pashtun beraliran Sunni yang bermazhab Hanafi. Mereka mewujudkan kepimpinan para ulama' yang mendalami mazhab Hanafi dan perkembangan politik semasa. Apa yang menarik, mereka terus beristiqamah dan berjuang untuk menegakkan Islam.

PAS bersama Kerajaan Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa akan memainkan peranan untuk menggerakkan bantuan kemanusiaan melalui misi kebajikan, pendidikan dan pembangunan fizikal di Afghanistan.

Ketegangan hubungan dagang antara Amerika Syarikat dengan China juga telah mencetuskan perang dingin yang baharu, dan kemungkinan semakin panas membakar lagi selepas ini. Kedudukan China dianggap mencabar keangkuhan Barat yang sudah lama berkuasa dan mahu berkuasa sepanjang hayat.

Kita perlu berhati-hati terhadap pakatan baharu Australia, United Kingdom, dan Amerika Syarikat (AUKUS) yang mengubah strategi setelah kedudukan mereka tercorot di Afghanistan dan Iraq. Pakatan yang diadakan ini menunjukkan kerakusan pihak yang terbabit dengan meletakkan seluruh dunia berada di bawah kawalannya, sehingga merangkumi Lautan Pasifik dan Lautan Hindi.

Kita tidak boleh menjadi perisai pertahanan kepada mana-mana kuasa besar yang sering kali mencari negara untuk membina pangkalan yang jauh dari negaranya, demi menjaga keselamatan mereka semata-mata tanpa mempedulikan negara yang lain. Jangan sama sekali mengheret kita menjadi pembekal dan penjana kekuatan Barat.

Maka, sikap memilih keutamaan perlu diambil dengan mengambil mudarat yang lebih ringan dan kecil melalui pendekatan memandang kepada kedudukan serantau terlebih dahulu. Bukannya bermain mata dengan menjemput negara jauh yang telah tewas dan telah meninggalkan pangkalannya, dan sekarang sedang mencari pangkalan yang baharu.

Sepatutnya, kita membina kekuatan sendiri dengan mengadakan kerjasama serantau yang adil dan saksama, bukannya menjajah. Pada masa yang sama, kerjasama politik boleh diadakan bagi membantu saudara seagama yang masih dijajah di beberapa tempat di dunia seperti Palestin, Kashmir, Rakhine, Xinjiang dan seumpamanya.

Maka, PAS mengajak seluruh umat Islam untuk kembali kepada al-Quran. Misi penyatuan ummah PAS bukan terhad di Malaysia sahaja, tetapi PAS akan lebih berperanan bagi menyatukan umat Islam dalam kalangan negara-negara umat Islam melalui misi damai yang telah dilakukan sejak puluhan tahun yang lalu.

I. ARAHAN KEPADA JENTERA PAS

Sidang Muktamar sekalian,

Sebagai penutup, saya berpesan kepada diri saya dan sekalian pimpinan serta ahli-ahli PAS untuk terus beristiqamah menghadapi cabaran bagi menjayakan agenda **“Islam Menyatukan Ummah”** dengan melaksanakan taklifan berikut:

1. Bertaqwa kepada Allah

Peranan dalam perjuangan *muwajahah silmiyyah* ini sangat mencabar kerana hendak memujuk manusia adalah tidak mudah, khususnya dalam hendak menarik pengundi, penyokong, dan ahli yang seramai mungkin. Lebih khusus lagi, ramai generasi muda pada hari ini yang hidup terumbang-ambing; tidak mudah untuk memujuk mereka.

Maka, kita perlu mendekatkan diri kepada Allah, bersabar dan ikhlas. Keikhlasan yang ada dalam hati boleh menembusi hati manusia yang lain.

Kita diberikan kemenangan oleh Allah SWT dengan bertaqwa kepada Allah SWT dan maksiat yang dilakukan oleh musuh. Sekiranya kita melakukan maksiat sama sepertimana yang dilakukan oleh musuh, sedangkan jumlah kita tidak menyamai jumlah musuh, malah duit kita juga tidak banyak sepertimana kewangan musuh, termasuklah kelengkapan mereka pula melebihi kelengkapan yang kita miliki, maka Allah SWT tidak akan menolong kita dan kita tidak akan menang.

Sekiranya kita menyediakan kekuatan sekadar kemampuan yang diberikan kepada kita dengan ikhlas walaupun kekuatan musuh berlipat kali ganda, Allah SWT mesti menolong kita. Allah SWT membantu kita dalam hal ini.

2. Setia dan Taat kepada Parti dan Kepimpinan

Pada masa yang sama, untuk menjadi sebuah parti yang kukuh dan kuat, maka kita mestilah **setia dan taat kepada parti dan kepimpinannya** kerana Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ
وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾

“Sesungguhnya, yang menjadi wali kalian (yang mesti kalian setia dan taat kepada mereka) ialah Allah dan Rasul-Nya (secara mutlak) dan orang-orang beriman (yang menegakkan imannya dan sentiasa berhubung dengan Allah SWT) yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat (tidak bakhil menyumbangkan harta), sedang mereka rukuk (tunduk dan patuh kepada perintah Allah).”

Surah al-Ma'idah: 55

Pemimpin yang adil, beriman dan budiman, berakhlak mulia, dan kuat hubungan dengan Allah SWT, perlu diberikan kesetiaan kepadanya. Seandainya pemimpin mematuhi ajaran Islam, namun kita menyeleweng dalam perkara cabang dengan tidak mentaatinya, maka tindakan sebegini adalah salah sama sekali.

3. Pengukuhan Parti

Dalam menghadapi pilihan raya juga, PAS perlu menjadi sebuah parti yang kukuh dan kuat. Parti yang kuat mestilah melalui tarbiah, kekuatan rohani, dan kekuatan jentera atau tanzim (pengurusan) parti. Perkara-perkara ini mestilah kuat. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًا كَانَهُمْ بَنِينَ
مَرْضُوعًا ﴿٤﴾

“Sesungguhnya, Allah mengasihi orang yang berjuang di jalan menegakkan agama-Nya laksana batu bata yang disusun bagi mendirikan bangunan.”

Surah al-Saff: 4

Kita semua laksana batu bata yang disusun. Bahkan, ada yang menjadi tangga, lantai, dinding, atap, dan sebagainya yang disusun. Kalau semua menjadi atap, maka tidak menjadilah sebuah bangunan. Semuanya mesti disusun di tempat masing-masing dengan ikatan yang teguh antara satu sama lain dan berperanan di tempat masing-masing. Ini sangat penting dan mestilah mempunyai kekuatan roh.

4. Pemantapan Tarbiah

Kekuatan roh memerlukan tarbiah. Maka, perlu kita menghadiri majlis ilmu, menambah ilmu, menghadiri usrah dan liqa' fikri, serta apa-apa sahaja perbincangan yang meningkatkan ilmu, menguatkan aqidah, menguatkan hubungan kita dengan Allah SWT, serta mengeratkan hubungan kita dengan parti dan jemaah. Segala pengarahan daripada Lajnah Tarbiah perlu dilaksanakan oleh setiap anggota jemaah tanpa jemu dan lelah.

5. Pemantapan Organisasi

Parti mesti ditadbir dan diurus dengan cara yang sebaik-baiknya menurut kaedah pentadbiran. Kita memiliki Jabatan Setiausaha Agung, Setiausaha Perhubungan Negeri, Setiausaha Kawasan, dan selanjutnya.

Dengan sebab itu, jangan menurut kepala sendiri, tetapi mestilah mengikuti arahan pentadbiran parti di peringkat pusat dan negeri, kemudian turun ke kawasan dan cawangan, di samping kita mempunyai dewan-dewan dan lajnah. Ini semua merupakan dahan dan ranting, tempat kita berpaut dalam menguatkan parti kita.

6. Aktifkan Jentera Pilihan Raya Akar Umbi

Kita semua perlu menjadi ahli parti dan jentera parti yang boleh melakukan segala gerak kerja parti. Kita menubuhkan jentera bukan sahaja di peringkat parti, malah di peringkat kawasan mahupun cawangan. Jadikan cabang-cabang ini hidup laksana pokok yang hidup. Hal ini demikian supaya parti kita mempunyai cabang dan akar umbi bagi menjadi sebuah parti yang kuat dan teguh.

Semua kerja asas Jabatan Pilihan Raya perlu disepadukan di semua peringkat melibatkan kesediaan jentera, latihan, simulasi, pasukan kempen dan kewangan mengikut tanda aras dan arahan yang ditetapkan, serta dipantau oleh Negeri dan Pusat.

Selain itu, peranan sayap dalam PAS adalah sangat penting iaitu Dewan Ulama', Dewan Pemuda, Dewan Muslimat dan Dewan Himpunan Pendukung PAS (DHPP), bagi menembusi tembok yang menghalang, menarik sokongan masyarakat dan menyeru kepada kepimpinan Islam yang bersifat adil kepada semua.

7. Persiapan Calon Berwibawa

Dalam menyertai pilihan raya, kita mestilah menyediakan calon-calon yang berwibawa. Sangat susah dan sukar untuk kita mencari seorang tokoh yang kuat imannya, kuat budimannya, tinggi ilmunya, dan banyak pengalamannya. Akan tetapi, kita boleh memilih pimpinan secara kolektif (*jama'i*), yang sifatnya saling melengkapi.

Perkara yang paling penting, seorang pemimpin itu hendaklah **beristiqamah dengan parti, berintegriti, berakhlak mulia, mempunyai aqidah yang kuat, dan bertahan dengan parti**. Ciri-ciri ini adalah sangat penting yang mesti kita pilih.

Kalangan yang berwibawa dalam PAS tidak akan tercicir kerana konsep Kerajaan Teknokrat yang kita telah perkenalkan tetap memberi tempat masing-masing, tidak semestinya menjadi calon dan wakil rakyat sahaja. Manakala mereka yang menjadi calon pula sedia berkorban menghadapi segala kemungkinan apabila ditugaskan.

J. PENUTUP

Pada kesempatan ini, ingin saya sebutkan bersempena dengan agenda pemilihan kepimpinan tertinggi parti dalam Muktamar tahun ini.

Saya berkeyakinan penuh dengan kebijaksanaan para perwakilan untuk memilih pemimpin yang terbaik dalam kalangan kita, khususnya yang **memiliki kekuatan ilmu, syakhsiah, fikrah, akhlak dan pengaruh, boleh melaksanakan kerja secara berpasukan, seterusnya mampu membawa parti ke tahap yang lebih tinggi**. Namun, jangan menganggap yang tidak terpilih itu tidak baik kerana setiap kita ialah mata rantai perjuangan yang tidak pernah terhenti.

Akhir kalam, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Panitia Mukhtar yang dikendalikan oleh pasukan Setiausaha Agung dan Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu, termasuklah kejayaan melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan Kawasan-Kawasan dan Dewan-Dewan dalam suasana pematuhan SOP akibat pandemik, namun tidak menghalang kita memenuhi kehendak Perlembagaan untuk menghidupkan budaya syura dan musyawarah.

Mudah-mudahan, kita mendapat fadhilat Murabitun yang berada di lapangan masing-masing bagi memastikan Islam berdaulat di tanah air ini. Semoga terus bersabar, ikhlas kerana Allah dan istiqamah dalam perjuangan sehingga beroleh kemenangan sama ada di dunia ataupun di akhirat nanti.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ



“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kalian (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebakikan), dan kuatkanlah kesabaran kalian lebih daripada kesabaran musuh, dan bersedialah (dengan bertugas di tempat masing-masing) serta bertaqwalah kalian kepada Allah supaya kalian berjaya mencapai kemenangan.”

Surah Ali ‘Imran: 200

Dengan ini, saya merasmikan Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-67 dengan menyebut sabda Rasulullah SAW:

سيروا على بركة الله
الله أكبر! الله أكبر! الله أكبر! والله الحمد

“ISLAM MENYATUKAN UMMAH”

**ABDUL HADI AWANG
PRESIDEN PAS**

1443H / 2021M